

3756/2

Prinsip Perakaunan

Kertas 2

2½ jam

Nama: _____

Tingkatan: _____

SET 1

----- NAMA SEKOLAH -----

MODUL STRATEGI A+ PRINSIP PERAKAUNAN SPM 2025

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam Buku Jawapan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. **Kertas peperiksaan dan buku jawapan ini hendaklah di serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

Bahagian A

[60 markah]

Jawab *semua* soalan

- 1 (a) Nyatakan **dua** subbidang perakaunan.

[2 markah]

- (b) Situasi berikut berkaitan urus niaga sebuah perniagaan.

Membawa masuk perabot dari rumah bernilai RM1 300 untuk kegunaan perniagaan.

Apakah dokumen sumber dan Buku Catatan Pertama yang terlibat?

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan anggaran penerimaan dan pembayaran Perniagaan Ros pada bulan Julai 2025.

	RM
Jualan	4 730
Komisen diterima	710
Utiliti	520
Insurans	480
Belanja am	55

Hitungkan lebihan atau kurangan.

[2 markah]

- (d) Berikut merupakan maklumat daripada Kelab Renang Perdana.

	1 April 2024	31 Mac 2025
	RM	RM
Yuran Belum Terima	308	220
Yuran Belum Terperoleh	484	-

Kutipan yuran sepanjang tempoh kewangan adalah sebanyak RM6 050.

Hitungkan yuran ahli yang dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

[2 markah]

- (e) Nyatakan **dua** sebab perkongsian boleh dibubarkan.

[2 markah]

- 2 Imbangan Duga berikut diambil daripada perniagaan Cyber Sport Enterprise yang beroperasi di Kulai, Johor pada 31 Mac 2025.

Cyber Sport Enterprise Imbangan Duga pada 31 Mac 2025		
	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 April 2024		120 094
Premis (kos)	90 000	
Perabot (kos)	15 000	
Kenderaan (kos)	36 000	
Susut nilai terkumpul pada 1 April 2024:		
Perabot		3 000
Kenderaan		12 960
Ambilan	1 289	
Akaun Belum Terima	13 650	
Akaun Belum Bayar		28 452
Inventori pada 1 April 2024	15 485	
Bank	17 805	
Tunai	550	
Belian dan jualan	98 178	145 839
Pulangan	846	
Angkutan masuk	440	
Gaji	12 760	
Belanja am	3 382	
Insurans	4 800	
Kadar bayaran	5 075	
Sewa diterima		6 000
Angkutan keluar	1 286	
Peruntukan hutang ragu		201
	316 546	316 546

Maklumat Tambahan:

- (i) Penilaian inventori pada 31 Mac 2025 dinilai lebih rendah RM500 daripada harga pasaran RM12 300.
- (ii) Perniagaan menyewakan sebahagian daripada premis bermula pada 1 Januari 2025 dengan sewa bulanan RM1 500.
- (iii) Kadar bayaran belum bayar RM325.
- (iv) Kadar susut nilai bagi aset bukan semasa adalah seperti berikut:
 - Perabot 10% setahun atas kos.
 - Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (v) Pada 31 Mac 2025, perabot telah dilupuskan dengan harga RM8 000. Tunai yang diterima telah dibankkan.
- (vi) Urus niaga berikut masih belum direkod:
 - Pemilik mengambil tunai RM190 untuk membayar bil utiliti rumah kediamannya.
 - Satu nota kredit telah dihantar kepada pelanggan RM350 kerana tersilap jenama.
- (vii) Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2025.

[14 *markah*]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2025.

[11 *markah*]

- 3 Basrah, Shafiqal ialah perkongsi dalam Perniagaan Perkongsian BSK yang menjual kerepek di sekitar Johor Bahru, Johor. Perjanjian perkongsian membenarkan perkara berikut:

- (i) Nisbah untung rugi adalah mengikut nisbah 2:1.
- (ii) Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal.
- (iii) Faedah atas pinjaman 8% setahun.
- (iv) Faedah atas ambilan 8% setahun.
- (v) Shafiqal diperuntukkan gaji RM20 000 setahun bermula 1 April 2025.

Baki pada 1 Julai 2024

	Akaun Modal RM	Akaun Semasa RM	Pinjaman RM
Basrah	80 000	12 500 (Dt)	60 000
Shafiqal	40 000	340	-

Pada 30 Jun 2025 baki-baki berikut diperoleh daripada buku perkongsian

	RM
Kelengkapan (kos)	60 000
Susut nilai terkumpul kelengkapan	6 000
Akaun Belum Terima	19 800
Akaun Belum Bayar	14 000
Premis	160 000
Bank	25 474
Inventori	19 040
Pinjaman bank (berkadar 7% matang pada tahun 2027)	20 000

Maklumat Tambahan :

(i) Pada 30 Jun 2025, untung bersih perkongsian ialah RM91 774 perkara-perkara berikut masih belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih.

- Faedah atas pinjaman perkongsi akan dikreditkan ke dalam akaun semasa pekongsi.
- Faedah atas pinjaman bank RM80 000 yang berkadar 7% masih belum bayar 3 bulan.
- Baki Akaun Belum Terima RM1 500 dihapuskira sebagai hutang lapuk
- Komisen diterima tertinggal catat RM1 000.
- Insurans prabayar RM2 480.
- Kelengkapan disusutnilaikan 20% mengikut kaedah baki berkurangan.

(ii) Ambilan pekongsi menggunakan cek.

Basrah	RM5 500	1 Julai 2024
Shafiqal	RM9 000	1 Januari 2025
	RM800	1 April 2025

(iii) Pinjaman dari Basrah bermula 1 Oktober 2024 dan akan matang pada tahun 2029.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung untung bersih terlaras bagi tahun berakhir 30 Jun 2025. [7 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025. [6 markah]
- (c) Menyediakan Akaun Semasa Pekongsi (beruangan). [10 markah]
- (d) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025 (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja). [2 markah]



Bahagian B

[40 markah]

Jawab **dua** soalan daripada bahagian ini

- 4 (a) Perniagaan Tiramisu telah menerima Penyata Bank bagi bulan Julai 2025 dan mendapati ada perbezaan antara baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank perniagaannya.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No Cek	RM
2025			2025			
Julai 1	Baki b/b	7 111	Julai 2	Belian	10084	2 020
2	Jualan	1 245	3	Sewa	10085	2 925
3	Sewa	3 676	14	Komputer	10086	1 750
10	Citra Enterprise	1 695	16	Kadar bayaran	10087	710
27	Kartik Raj	879	19	Pembekal Maju	10088	4 110
	Jualan	1 200	21	Berkat Usaha	10089	640
30	Syurah	3 098	27	Belian	10090	1 565
			31	Gaji	10091	1 122
				Baki h/b		4 062
		<u>18 904</u>				<u>18 904</u>
Ogos 1	Baki b/b	4 062				

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2025					
Julai 1	Baki b/b				8 363
3	Deposit			1 245	9 608
4	Cek	10084	2 020		7 558
	Deposit			3 676	11 264
5	Cek	10085	2 925		8 339
11	Deposit			1 695	10 034
13	Perintah Sedia Ada-Insurans		550		9 484
15	Cek	10086	1 750		7 734
	Buku Cek		13		7 721
18	Cek	10083	1 252		6 469
	Cek	10089	604		5 865
24	Cek	10090	1 565		4 300
	Faedah atas simpanan			550	4 850
30	Deposit			1 200	6 050
31	Caj bank		17		6 033
	Cek	10091	1122		4 911

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang diterima pada 27 Julai 2025 dikembalikan oleh pihak bank dengan tanda “*Rujuk Penyuruh Bayar*”.
- (ii) Cek bernombor 10089 yang dikeluarkan kepada Berkat Usaha dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Buku Tunai yang dikemaskini

[7 markah]

- (ii) Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2025

[5 markah]

- (b) Kedai Buku Aini menyimpan Buku Tunai mengikut Sistem Panjar bermula 1 April 2025. Ketua Juruwang hanya akan memberikan wang pendahuluan sebulan sekali iaitu pada awal setiap bulan.

Berikut ialah maklumat berkaitan penerimaan dan penggunaan wang bagi memulakan Buku Tunai Runcit dalam bulan April 2025

Buku Tunai (Ruangan Bank)

	2025	RM
April 1	Tunai Runcit	400

2025		RM
April 3	Membeli Alat tulis	40
5	Membayar belanja membaiki pintu pejabat	60
9	Membayar bungkusan pos laju	40
12	Membeli mesin daftar tunai	300
13	Memberi pinjaman Maira	100
16	Membeli sampul surat	10
26	Membayar surat berdaftar	20
29	Membayar upah mencuci	70

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 30 April 2025 dengan menunjukkan analisis pembayaran alat tulis, belanja pejabat, belanja pos dan pelbagai.

Tunjukkan baki dan rekupmen pada 1 Mei 2025.

[8 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Perniagaan Kilang Kerepek Nyum Nyum pada pelbagai peringkat keluaran.

Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Hasil (RM)
0	80 000	0
4 000	180 000	260 000
8 000	280 000	520 000
12 000	380 000	780 000

Kos tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung:
- a) Kos berubah seunit [2 markah]
 - b) Titik Pulang Modal dalam unit pengeluaran [2 markah]
 - c) Titik Pulang Modal sekiranya harga jualan meningkat menjadi RM75 [2 markah]
- ii) Melakarkan Graf Titik Pulang Modal dengan mengambil kira maklumat (i) (b) [6 markah]

- 5 (b)** Pada 1 Januari 2025 Syarikat Luncur Jaya Berhad telah menawarkan 50 000 unit Syer Biasa pada nilai terbitan RM1 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan 16 Januari 2025 hanya 45 000 unit syer biasa telah dilanggan oleh pelabur. Semua syer yang tidak dilanggan oleh orang awam telah dibayar sepenuhnya oleh penaja jamin pada 31 Januari 2025.

Syarikat mempunyai Syer Keutamaan kumulatif 5% berjumlah RM200 000. Syarikat tidak membayar dividen tahun lepas. Pada tahun semasa, syarikat ingin mengisytiharkan dividen ke atas Syer Keutamaan.

Anda dikehendaki:

- (i) Hitungkan syer terkurang langgan.

[2 markah]

- (ii) Catatan jurnal yang berkaitan untuk mencatat langganan dan penerimaan wang daripada pelabur (*abaikan keterangan*).

[4 markah]

- (iii) Dividen kumulatif 5% Syer Keutamaan yang perlu dibayar syarikat termasuk tahun semasa.

[2 markah]

- 6 Pada 31 Mei 2025, Rissa seorang pemilik perniagaan milikan tunggal menyediakan maklumat berikut:

	RM
Alatan pejabat	14 590
Perabot	21 600
Bank	43 500
Tunai	3 660
Inventori	31 900
Akaun Belum Terima	17 900
Akaun Belum Bayar	22 400
Pinjaman	20 000
Modal	?

Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan Jun 2025.

- (i) 30% daripada inventori barang niaga dijual dengan harga RM12 900. Cek diterima untuk urus niaga ini.
- (ii) Belian barang niaga bernilai RM18 700 secara kredit.
- (iii) Mengambil tunai RM229 untuk kegunaan sendiri.
- (iv) Jualan secara kredit RM6 850 bagi barang niaga bernilai RM4 570.
- (v) Sekeping cek RM550 yang diterima daripada Akaun Belum Terima telah dipulangkan oleh bank ditanda “Rujuk penyuruh bayar”
- (vi) Menjelaskan faedah atas pinjaman RM500 dengan cek.
- (vii) Menerima cek daripada Akaun Belum Terima RM9 500 bagi penjelasan satu invois yang bernilai RM10 300.
- (viii) Susut nilai alatan pejabat RM700.
- (ix) Seorang pelanggan kredit telah muflis. Hutangnya RM580 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (x) Menjelaskan sepenuhnya hutang RM12 100 kepada pembekal dengan cek RM11 500.
- (xi) Membayar sewa kedai RM1 300 menggunakan cek peribadi.

Anda dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang disediakan bagi menunjukkan kesan setiap urus niaga. [17 markah]
- (b) Berdasarkan urus niaga pada (i), (iii) dan (vii), nyatakan kesan urus niaga tersebut atas untung bersih. [3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Ruangan jawapan soalan

4 (a)(i)

Buku Tunai (Dikemaskini)

[illegible]

Ruangan jawapan soalan
4(b)

BUKU TUNAI RUNCIT

Ruangan jawapan soalan

6 (a)

	Alatan pejabat RM	Perabot RM	Bank RM	Tunai RM	Inventori RM	Akaun Belum Terima RM	Modal RM	Akaun Belum Bayar RM	Pinjaman RM	Untung bersih RM	Ambilan RM
2025											
Jun 1	14 590	21 600	43 500	3 660	31 900	17 900		22 400	20 000	-	-
(i)											
(ii)											
(iii)											
(iv)											
(v)											
(vi)											
(vii)											
(viii)											
(ix)											
(x)											
(xi)											
Baki Jun 30											